

**PEMBANGUNAN MODUL PENDIDIKAN AKHLAK KANAK-KANAK: SATU  
KAJIAN REKA BENTUK DAN PEMBANGUNAN**

**DEVELOPMENT OF A CHILDREN'S MORAL EDUCATION MODULE:  
A DESIGN AND DEVELOPMENT STUDY**

Nur Adillah Ramly<sup>1</sup>, Abdul Halim Masnan<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Pusat Penyelidikan Perkembangan Kanak-kanak Negara, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak, adillah.ramly@gmail.com

<sup>2</sup>Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak, abdul.halim@fpm.upsi.edu.my

DOI: 10.51200/kitab.v1i2.5996

**ABSTRAK**

Kajian ini merupakan kajian pembangunan modul dengan matlamat yang menggariskan strategi dalam pembangunan modul pendidikan akhlak kanak-kanak. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) kini menumpukan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 yang memfokuskan kepada modal insan. Selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan, KPM memberi tumpuan terhadap pembangunan kanak-kanak secara komprehensif dan bersepadu bagi melahirkan generasi yang berwawasan dan berdaya saing dalam perkembangan jasmani, emosi, rohani dan intelek. Inisiatif ini bertujuan untuk menghasilkan rakyat yang berintegriti, beraspirasi, berilmu pengetahuan, dan berdedikasi sebagai sumbangan terhadap kesejahteraan dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara. Justeru itu satu kajian reka bentuk dan pembangunan (DDR) yang merupakan kaedah yang pelbagai (*multi method*) diaplikasikan dalam kajian ini. Dengan kaedah DDR, penyelidikan akan melalui tiga fasa serta pelbagai kaedah penyelidikan akan digunakan dalam setiap fasa tersebut. Peserta penyelidikan daripada kumpulan pakar dan pengguna boleh menawarkan pelbagai perspektif dan mampu mempertimbangkan keperluan modul dalam konteks Malaysia.

**Kata kunci:** Pembangunan modul, pendidikan akhlak kanak-kanak, reka bentuk dan pembangunan.

**ABSTRACT**

This study is a module development research aimed at outlining strategies for the development of a moral education module for children. The Malaysian Ministry of Education (MOE) is currently prioritizing the Malaysia Education Blueprint 2013-2025, which focuses on human capital development. In alignment with the National Education Philosophy, the MOE emphasizes the holistic and integrated development of children to nurture a generation that is visionary and competitive in physical, emotional, spiritual, and intellectual growth. This initiative aims to produce citizens with integrity, aspirations, knowledge, and dedication, contributing to the well-being and prosperity of families, communities, and the nation. Consequently, a design and development research (DDR) approach, which employs multiple methods, is applied

in this study. Through the DDR methodology, the research will progress through three phases, utilizing various research methods in each phase. Participants, consisting of experts and users, are expected to provide diverse perspectives and insights to address the needs of the module within the Malaysian context.

**Keywords:** Module development, children's moral education, design and development.

## **PENGENALAN**

Satu Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) berdasarkan tahun 2013-2015 telah diperkenalkan sebagai satu dasar yang menjadi nadi penjana perubahan pembangunan modal sosial dan ekonomi Negara. PPPM dikenali sebagai pelan pembangunan pendidikan yang komprehensif yang bertujuan untuk mengubah sistem pendidikan Malaysia. Ia bertujuan untuk memastikan bahawa pelajar dapat mengaplikasikan kemahiran bagi bersaing dalam pasaran global yang semakin kompetitif. Bagi memartabatkan pendidikan di Malaysia, pihak kerajaan juga telah membentuk Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) pada tahun 1996 supaya menjadi asas dan tunjang kepada sistem pendidikan di Malaysia bagi mendidik rakyat secara seimbang dan harmonis. Menurut Fauzian (2018), asas pendidikan pada peringkat awal usia adalah sangat penting yang mampu memberi impak untuk kehidupan di masa hadapan.

Pembangunan potensi kanak-kanak menjadi matlamat utama selari dengan pelaksanaan FPK dalam membangunkan modal insan yang berakhlak mulia, bertanggungjawab, berpengetahuan, berketerampilan dan berjaya dalam mencapai matlamat demi keharmonian dan kesejahteraan negara. Bagi memastikan peribadi kanak-kanak terbentuk pada jiwanya, ia harus dilatih seawal usia kanak-kanak (Yuliana et al., 2021). Ini bertepatan dengan matlamat utama sistem pendidikan Islam di mana pendidikan dititikberatkan bagi mencipta manusia yang berakhlak mulia selari dengan ajaran al-Quran dan as-Sunnah. Justeru itu, adalah penting setiap individu mendapat pendidikan yang lebih baik dan berkualiti seawal usia kanak-kanak.

Dengan mengajarkan adab dan akhlak kepada kanak-kanak, kita berupaya membentuk generasi yang bertakwa, berakhlak mulia, berfikiran positif dan menyumbang kepada akhlak yang positif dalam masyarakat. Sehubungan dengan itu, kajian ini memfokuskan penghasilan modul pendidikan akhlak kanak-kanak dari usia empat hingga enam tahun bagi memberi nilai tambah kepada modul pendidikan akhlak prasekolah yang sedia ada dalam Tunjang Kerohanian, Sikap dan Nilai dalam modul KSPK.

## **TINJAUAN LITERATUR**

Istilah emosi, rohani, intelektual, fizikal dan pendidikan adalah sangat penting bagi mewujudkan generasi yang seimbang. Menurut Norazly & Zaidi (2019), sebelum melangkah ke alam persekolahan formal, pendidikan asas yang diterima oleh kanak-kanak di TADIKA atau prasekolah adalah penting. Mazeni (2020), dalam kajiannya menekankan tentang pendidikan awal kanak-kanak secara umumnya serta garis panduan yang dinyatakan oleh Al-Quran sebagai panduan universal untuk membina masyarakat yang bermoral tinggi. Pada asasnya, Islam telah meletakkan asas dan objektif yang kukuh lagi teguh untuk pendidikan akhlak supaya ia boleh disesuaikan dan memenuhi keperluan agama. Kepincangan dalam memenuhi

tuntutan agama adalah punca utama keruntuhan akhlak yang meluas dalam masyarakat hari ini.

Lantaran itu, kanak-kanak yang dibesarkan dalam budaya seperti ini pastinya terpengaruh oleh fenomena keruntuhan akhlak yang berlaku di sekeliling mereka (Fauzian, 2018). Amanah dan tanggungjawab ibu-bapa semestinya merujuk kepada kanak-kanak, yang mempunyai jiwa yang sangat suci dan murni. Jiwanya merupakan permata berharga yang murni serta bebas daripada setiap calar namun boleh menerima setiap ukiran dan mempunyai kecenderungan yang tidak dipersiapkan (Habibu Rahman, 2019). Abdullah Nashih Ulwan (1996) berpendapat bahawa ibu bapa dan pendidik khususnya mempunyai tanggungjawab yang besar dalam mencorakkan kehidupan anak-anak dengan memastikan pendidikan yang diaplikasikan sangat ideal.

Akhlak yang baik adalah cerminan sifat yang telah menjadi sebatian dalam diri (Suhaila, 2021) dengan mengambil kira akhlak Rasulullah SAW dalam kehidupan seorang muslim, pembangunan akhlak dalam diri seorang muslim perlu dididik, dipupuk dan dipelajari dari awal kehidupan mereka dan diamalkan sepanjang kehidupan. Mazeni (2020), dalam kajiannya menekankan tentang asas pendidikan awal kanak-kanak serta garis panduan yang dinyatakan dalam Al-Quran sebagai panduan universal untuk membina masyarakat yang bermoral tinggi. Selain itu, telah dinyatakan bahawa beberapa contoh petikan ayat Al-Quran yang berkaitan dengan pendidikan awal terhadap kanak-kanak Islam yang meletakkan asas kepada pendidikan sejak dari kecil.

Matlamat pendidikan akhlak Ibn Miskawaih ialah untuk melatih tingkah laku dalaman, yang secara automatik boleh memajukan semua perilaku dengan nilai-nilai yang baik. Justeru itu, kesempurnaan diperlukan untuk mencapai kebahagiaan yang tulen, sempurna dan meliputi semua, termasuk kebahagiaan peribadi dalam makna yang paling luas (Miswar, 2021).

## **KONSEP PENDIDIKAN AKHLAK**

Menurut Munir (2022), akhlak merupakan istilah yang merujuk kepada akhlak, tingkah laku atau perlakuan sikap seseorang. Istilah ini berasal dari bahasa Arab "خُلُق" yang bermaksud tingkah laku atau tabiat. Dalam konteks Islam, akhlak mencakup perilaku, sikap, dan moral seseorang yang selari dengan ajaran agama Islam. Malah, Allah telah mengutus Rasulullah SAW untuk menyempurnakan akhlak umat manusia. Pendidikan akhlak bertujuan untuk membentuk manusia yang berakhlak mulia dari pelbagai aspek kehidupan.

Perspektif Imam Al-Ghazali dan Ibnu Miskawayh (2003), menyatakan akhlak merujuk kepada tingkah laku yang sudah menjadi kebiasaan dalam sikap seseorang. Akhlak yang baik terbentuk kerana mengamalkan ataupun sudah dididik sejak kecil. Pendidikan akhlak dan moral adalah penting bagi Imam Al-Ghazali. Beliau menyatakan bahawa ibu bapa, guru-guru, rakan sebaya, dan persekitaran adalah semua elemen yang memainkan peranan penting dalam membina akhlak kanak-kanak. Dalam mencapai objektif dari segi jasmani, emosi, dan sosial, Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) telah menyediakan peluang kepada ibu-bapa bagi memastikan anak-anak memiliki akhlak yang seimbang. Ia bertujuan untuk menyediakan pembelajaran holistik dan komprehensif untuk kanak-kanak prasekolah, dengan memberi tumpuan kepada pembangunan fizikal, emosi, rohani, intelektual dan sosial mereka. Kehadiran tunjang kerohanian, sikap dan nilai serta bidang perkembangan sahsiah, sosioemosi dan kerohanian dalam kedua-dua program pendidikan menunjukkan bahawa pendidikan akhlak dan

moral adalah penting untuk diberikan pada peringkat awal pendidikan kanak-kanak.

Dalam Islam, akhlak merujuk kepada tingkah laku, sikap, dan moral seseorang. Ia termasuk aspek-aspek etika, moral, dan cara-cara yang dikendalikan oleh ajaran Islam. Antara akhlak Rasulullah SAW adalah sabar, penyayang dan rajin (KSPK, 2017). Konsep akhlak termasuk yang berikut:

i. Taqwa

Konsep utama dalam Islam yang merujuk kepada keimanan dan keadilan. Taqwa melibatkan taat yang mendalam kepada Allah, menahan diri daripada perbuatan jahat, dan melakukan perbuatan baik mengikut ajaran Islam

ii. Ihsan

Konsep ini merujuk kepada tingkah laku dan sikap kecemerlangan. Ihsan melibatkan berbuat baik dan memberi segala-galanya dalam semua aspek, baik secara luaran mahupun dalaman.

iii. Adab

Istilah ini merujuk kepada sikap yang baik, etika dan etika. Adab melibatkan perilaku sosial yang baik seperti menghormati orang lain, sopan dalam ucapan dan tindakan, dan mengekalkan tabiat yang baik dalam ibadah dan kehidupan harian.

iv. Husnul Khuluq

Konsep ini merujuk kepada mempunyai sikap positif. Ia termasuk ciri-ciri yang boleh dipuji seperti kejujuran, keadilan, keberanian, kebaikan, kesabaran, kerendahan hati, dan lain-lain. Husnul Khuluq digalakkan dalam Islam dan dianggap sebagai kualiti seorang Muslim yang baik.

Dalam membangunkan modal insan yang cemerlang dalam kehidupan, pendidikan akhlak perlu ditekankan dengan lebih mendalam. Menurut Ibnu Miskawaih (2003), pendidikan akhlak melibatkan pengembangan akhlak, tingkah laku, dan karakter serta menjadi sifat manusia yang seiring dengan kebahagiaan dan keberuntungan.

## **TUJUAN PENDIDIKAN AKHLAK KANAK-KANAK**

Ahli falsafah Islam dan Barat sangat mengutamakan pendidikan kanak-kanak pada peringkat awal kerana ia harus diberi perhatian sepenuhnya pada tempoh perkembangan yang cepat dan singkat. Akhlak kanak-kanak adalah proses membentuk dan mengembangkan nilai-nilai dari segi moral, ahlak, dan perilaku yang baik pada anak-anak (Kamal et al., 2023). Menurut Bukhari (2010), tujuan utama pendidikan akhlak terbahagi kepada dua iaitu tujuan umum dan tujuan khusus seperti dibawah:

a. Tujuan Umum

- 1) Untuk memupuk tabiat untuk bertindak dengan cara yang tepat, baik, mulia dan terpuji, serta menghindari perkara yang tercela, tidak baik, dan

hina.

- 2) Untuk meningkatkan hubungan baik sesama manusia dan Allah S.W.T. supaya hidup dalam keadaan aman dan harmoni.

b. Tujuan Khusus

- 1) Membantu membina tabiat berakhlak mulia dan beradab dengan amalan yang baik.
- 2) Menanamkan kepercayaan agama dalam pelajar dan mengajar mereka untuk berpegang pada akhlak yang baik dan menentang akhlak yang buruk.

Selaras dengan itu, pendidikan akhlak membantu anak-anak dalam memahami konsep-konsep moral, mempraktikkan nilai-nilai yang baik dan mengembangkan sikap positif dalam berinteraksi dengan orang lain. Pendidikan akhlak merupakan pendidikan yang paling asas dan perlu diberikan sejak peringkat awal kanak-kanak.

Pendidikan akhlak kanak-kanak adalah pendidikan yang bertujuan untuk membentuk budi pekerti dan moral anak sejak kecil. Perkembangan fizikal, intelektual, emosi, dan rohani kanak-kanak sangat bergantung kepada kualiti pengasuhan yang diterima, terutamanya semasa fasa penting ini. Justeru itu, satu modul pendidikan akhlak perlu dibangunkan dalam membentuk akhlak kanak-kanak.

## **REKABENTUK MODEL**

Kjkjkjk


### **Proses Pembinaan Modul**

Pelbagai prosedur dan peraturan harus dipatuhi bagi memastikan modul yang dihasilkan mampu memberi kesan yang terbaik. Modul ini telah membuktikan bahawa ianya memberikan kesan yang terbaik apabila seseorang pelajar mengikuti sesuatu modul dan berjaya menguasai objektif yang dinyatakan di dalam modul ini. Menurut Sidek & Jamaluddin (2005), kejayaan pelajar bergantung kepada prosedur-prosedur yang perlu dipatuhi oleh pembangun-pembangun modul (Sidek Mohd Noah dan Jamaluddin Ahmad, 2005). Oleh itu, Model Pembinaan Modul Sidek digunakan bagi membangunkan modul ini.

### **Rasional Pemilihan Model Pembinaan Modul Sidek**

Pembinaan modul sidek ini dipilih oleh pengkaji kerana ia mempunyai langkah kerja penghasilan modul yang baik. Walaupun terdapat pelbagai model yang digunakan oleh ramai pengkaji namun model pembinaan modul oleh Sidek Mohd Noah ini menjadi antara model pembinaan modul mendapat perhatian dan popular serta menjadi panduan kepada ramai pengkaji tempatan yang ingin membangunkan modul. Terdapat dua fasa utama yang diaplikasikan dalam model ini: fasa draf dan

fasa mencuba dan menilai modul. Sebelum modul dinilai dan diuji, ia dianggap draf. Jika draf modul didapati sah dan boleh dipercayai, modul itu boleh dianggap lengkap, menurut Sidek Mohd Noah dan Jamaluddin Ahmad (2005). Carta aliran proses menghasilkan modul yang diubah dari Model Pembinaan Modul Sidek ditunjukkan dalam rajah dibawah:



*Rajah 1: Model Modifikasi Reka Bentuk Pembinaan Modul Sidek dan Jamaludin (Sumber: Sidek & Jamaludin 2005)*

Model pembinaan modul Sidek digunakan dalam pembinaan modul akhlak berdasarkan kajian ini. Model ini merupakan satu integrasi yang komprehensif melalui proses percubaan bagi mengenal pasti kelemahan dan kekurangan yang sedia ada.

## **METODOLOGI**

Pembangunan modul pendidikan akhlak dalam kajian ini menggunakan pendekatan DDR. Pendekatan ini merupakan satu kaedah yang empirikal dalam membangunkan produk seperti model dan modul (Mohd Ridhuan Mohd Jamil & Nurul Rabihah Mat Noh, 2020; Richey & Klein, 2010, 2014; Saedah Siraj et al., 2020).

Pemilihan DDR dalam pembangunan modul pendidikan akhlak ini adalah berdasarkan proses yang sistematik dan teratur (Richey & Klien 2010) yang terdiri daripada fasa analisis keperluan, pembangunan serta fasa penilaian fasa reka bentuk. Pendekatan DDR merupakan kaedah penyelidikan yang mempunyai kesahan dan kebolehppercayaan terhadap data dan maklumat berdasarkan bidang teknologi pembelajaran dan pembangunan kurikulum (Saedah Siraj et al., 2020). Kajian yang menggunakan pendekatan DDR akan berjalan dengan lancar sekiranya mematuhi prosedur yang telah ditetapkan (Mohd Ridhuan & Nurulrabihah, 2020).

Pendekatan Reka Bentuk dan Pembangunan, juga dikenali sebagai Penyelidikan Reka Bentuk dan Pembangunan (DDR), telah digunakan dalam kajian ini. Richey & Klein (2007) menjelaskan bahawa kajian yang melibatkan pembangunan model atau modul memerlukan proses yang sistematik dan teratur. Ia termasuk proses reka bentuk dan pembangunan produk serta penilaian produk yang telah dibuat. Reka bentuk ini dipilih kerana kaedah DDR ini bersesuaian dengan objektif pembangunan modul akhlak bagi pembentukan akhlak kanak-kanak.

Seiring dengan kaedah yang dinyatakan, pendekatan DDR dalam kajian ini menggunakan pendekatan DDR modifikasi melibatkan tiga fasa utama, iaitu dengan menggabungkan fasa reka bentuk dan fasa pembangunan (Saedah et al., 2013; Saedah et al., 2020). Justeru, kajian ini dijalankan dengan strategi yang berikut:

1. Fasa analisis keperluan yang merujuk kepada fasa dalam mengenal pasti keperluan bagi pembangunan modul.
2. Fasa pembangunan modul. Fasa ini menggabungkan fasa reka bentuk dan fasa pembangunan (Ramlan, 2017; Mohd Ridhuan & Nurulrabihan, 2019; Saedah, Muhammad Ridhuan Tony & Rozaini, 2020). Berdasarkan perkara ini, pengkaji telah menggunakan pendekatan pembangunan modul berdasarkan teknik *Fuzzy Delphi* (*Fuzzy Delphi Method*) berasaskan kesepakatan dan persetujuan pakar.
3. Fasa penilaian. Fasa ini bertujuan melaksanakan penilaian kebolegunaan modul menggunakan kaedah temubual pakar menggunakan Teknik Kumpulan Nominal (NGT).

Setiap fasa yang dijalankan perlu menggunakan kaedah kajian yang menepati serta bersesuaian bagi menjawab setiap persoalan kajian yang dikemukakan. Oleh itu, pendekatan DDR menawarkan pelbagai pilihan metodologi yang boleh digunakan kerana DDR bersifat *multiple method* (Richey & Klein, 2014). Penggunaan kaedah kajian yang pelbagai berpandukan pendekatan DDR ini dijalankan berdasarkan setiap fasa seperti yang dinyatakan dalam jadual 1:

Jadual 1: *Kajian Berdasarkan Pendekatan DDR*


Fasa	Kaedah
Fasa 1: Analisis Keperluan	Kajian literatur dan temu bual
Fasa 2: Reka Bentuk & Pembangunan	Soal Selidik (menilai skor mean serta peratusan) dan kaedah <i>Fuzzy Delphi</i> (FDM)
Fasa 3: Penilaian Aspek Kebolegunaan	Temubual pakar dan Teknik Kumpulan Nominal (NGT)

Pada fasa 1 iaitu analisis keperluan, kajian ini menggunakan kaedah temu bual terhadap kumpulan pengguna yang berpengalaman bagi mendapatkan pandangan peserta kajian berhubung keperluan pembangunan modul ALiM. Fasa analisis keperluan ini bertujuan menyelidik keperluan membangunkan modul ALiM berdasarkan pandangan peserta kajian. Hanya setelah dapatan analisis keperluan mengesahkan terdapat keperluan membangunkan model, barulah proses seterusnya dapat dilaksanakan.



Pada peringkat seterusnya, kajian ini mengambil pendekatan dengan menggunakan kumpulan pakar bagi proses pembangunan modul. Pada peringkat ini, alat kajian yang telah dipilih ialah dengan menggunakan teknik *Fuzzy Delphi* (FDM). Modul yang dibangunkan oleh pengkaji pula seterusnya dilakukan penilaian kebolehgunaan. Bagi tujuan itu, fasa penilaian pula dijalankan menggunakan kaedah temu bual pakar dengan menggunakan Teknik Kumpulan Nominal (NGT).

Seterusnya, satu kerangka prosedur yang lebih terperinci disediakan bagi menjelaskan kepelbagaian kaedah kajian yang digunakan pada setiap fasa kajian. Kerangka prosedur ini merangkumi soalan kajian, teknik pengumpulan data dan kaedah menganalisis data bagi setiap fasa. Kerangka prosedur kajian berdasarkan rajah 2 berikut:



## BINCANGAN

Bagi membangunkan satu modul pendidikan akhlak untuk kanak-kanak, beberapa kaedah penyelidikan boleh digunakan termasuk pendekatan kualitatif, kuantitatif dan campuran (*mix method*). Walau bagaimanapun, berdasarkan penelitian terhadap sorotan literatur dan pandangan sarjana terdahulu pengkaji mendapati kajian berasaskan kajian reka bentuk dan pembangunan (DDR) ini boleh diimplementasikan sebagai satu pendekatan dalam pembangunan modul. Selain itu, kajian DDR dilihat sebagai terperinci, empiris, dan struktur menggunakan pelbagai kaedah sepanjang kajian. Richey dan Klein (2007).

Maka jelaslah bahawa, berdasarkan kajian yang dijalankan dan setiap fasa akan melaksanakan kaedah kajian untuk menjawab soalan yang dikemukakan berdasarkan persoalan kajian. Selaras dengan itu, pengkaji berharap penggunaan modul DDR dapat menyelesaikan masalah dalam konteks tertentu dan berfungsi dalam mengadaptasi dalam penggunaan alat penyelidikan terkini seperti NGT, AHP, FDM, ISM dan SEM. (Saedah et al., 2013). Walau bagaimanapun, penggunaan DDR dengan kaedah kuantitatif atau kualitatif yang tersedia sebagai kajian sampel masih sesuai. Kajian pembangunan modul moral ini dijangka dapat memberikan sumbangan berdasarkan aspek kaedah penyelidikan yang sedia ada dalam

mengaplikasikan pendekatan DDR yang lebih sistematik serta penggunaan kaedah yang pelbagai.

## **KESIMPULAN**

Penyelidikan ini mengenai pembangunan modul pendidikan akhlak untuk kanak-kanak yang selaras dengan keperluan kurikulum semasa Malaysia iaitu Standard Prasekolah Kebangsaan yang merangkumi tunjang kerohanian, sikap, dan nilai (KSPK, 2013). Dalam pada itu, pendekatan kaedah DDR telah diaplikasikan bagi meningkatkan serta menambah baik pemahaman yang sedia ada dalam pelbagai aspek ilmu yang dianalisis. (Richey & Klein, 2007).

Modul pendidikan akhlak ini merujuk kepada modul akademik yang umumnya dibina berdasarkan Model Pembinaan Modul Sidek. Modul yang dibina perlu melalui dua peringkat utama yang telah dinyatakan dalam Model Pembinaan Modul Sidek iaitu menyediakan draf serta berdasarkan peringkat mencuba dan menilai modul. Model ini diaplikasikan kerana ia bersesuaian serta mudah untuk diikuti kerana ia mempunyai peringkat-peringkat tertentu yang membolehkan modul dihasilkan dengan baik. (Sidek Mohd Noah dan Jamaludin Ahmad, 2005).

## **RUJUKAN**

- Abdullah Nasih Ulwan. (1996). *Pedoman Pendidikan Anak dalam Islam* (S. Kamalie & H. Noer Ali, Trans.). Kuala Lumpur.
- Al-Ghazali, A. H. M. bin M. I. (2003). *Ihya' Ulum ad-Din* (Vols. 2 & 4). Kaherah: Maktabah as Safa.
- Aminah Ayob, Mastura Badzis, Rohani Abdullah, & Azizah Lebai Nordin. (2013). *Kurikulum PERMATA Negara*. Tanjong Malim: Pusat Penyelidikan Perkembangan Kanak-kanak Negara (NCDRC), UPSI.
- Aminah Ayob, Mastura Badzis, Rohani Abdullah, & Azizah Lebai Nordin. (2010). *Panduan pelaksanaan aktiviti Anak PERMATA*. Cyberjaya: Bahagian Pendidikan Awal Kanak-kanak PERMATA Negara, Jabatan Perdana Menteri.
- Ibn Miskawayh. (2003). *Tahdhib al-Akhlaq*. Beirut: Dar Maktabah al-Hayat.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). *Kurikulum standard prasekolah kebangsaan*. Putrajaya: Bahagian Perkembangan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018). *Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan Jilid 1: Falsafah dan Objektif Pendidikan Awal Kanak-Kanak\**. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Mazeni, I. (2020). *Keberkesanan Pendekatan Islamic Project: Sebagai Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Terkini Pendidikan Akhlak dalam Kalangan Guru Serta Murid Prasekolah Kemas di Negeri Kelantan*. Universiti Malaysia Pahang.
- Md Zain, A. N., & Yusoff, M. F. M. (2019). *Transformasi Pendidikan Malaysia 2013-2025: Kesan Terhadap Pendidikan Teknikal dan Vokasional*. *Journal of Technical Education and Training*, 11(1), 1-8.
- Mohd Kamal Hassan. (2012). *Membangun Modal Insan Melayu Dalam Sistem Pendidikan Islam*. *Kertas Kerja Perbincangan Meja Bulat*.

- Mengarusperdanakan Sistem Pendidikan Islam di Malaysia, Kuala Lumpur, 5 Jun 2012. Anjuran Dewan Amal Islami (DAMAI).
- Mohd Ridhuan Mohd Jamil, & Nurul Rabihah Mat Noh. (2020). *Kepelbagaian metodologi dalam penyelidikan reka bentuk dan pembangunan* (1st ed.). Shah Alam: Qaisar Prestige Resources.
- Nawi, M. Z. M. (2023). Teras Pemikiran Abu Hamid Al-Ghazali Pemangkin Kemenjadian Sahsiah Holistik. *International Journal of Humanities Technology and Civilization*. <https://doi.org/10.15282/ijhtc.v6i2.6979>
- Nor Fauzian Kassim. (2018). *Keberkesanan Modul Pendidikan Akhlak Berdasarkan Surah Luqman Terhadap Pembentukan Tingkah Laku Positif Kanak-Kanak: Satu Kajian Kes di Kedah*. Tanjong Malim: UPSI.
- Richie, R. C., & Klein, J. D. (2007). *Design and Development Research*. New Jersey: Lawrence Erlbaum Associates, Inc.
- Ridhuan Mohd Jamil, Saedah Siraj, Zaharah Hussin, Nurulrabihah, & Ahmad Ariffin Sapar. (2020). Mendidik Nilai Kekeluargaan Berteraskan Pemikiran Illahiyah. *Jurnal Pendidikan*.
- Saedah Siraj, M. R. T. L. Abdullah, & R. Muhamad Rozkee. (2020). *Pendekatan penyelidikan reka bentuk dan pembangunan: Aplikasi kepada penyelidikan pendidikan*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Saedah Siraj, N. Alias, D. Dewit, & Z. Hussin. (2013). *Design and development research: Emergent trends in educational research*. Kuala Lumpur: Pearson Malaysia Sdn. Bhd.
- Shukor, N. A. A., & Mahmud, R. (2019). Transformasi Pendidikan Malaysia: Kajian terhadap Strategi Pembangunan Pendidikan di Malaysia. *Jurnal Kemanusiaan*, 17(2), 32-42.
- Suhaila. (2021). *Kecenderungan Kemalangan Jalan Raya di Malaysia: Model Hipotesis Demografi Pemandu Profil, Pemanduan Agresif dan Pemanduan Berisiko*. Universiti Utara Malaysia: Perlis.
- Umar Bukhari. (2010). *Ilmu Pendidikan Islam*. Jakarta: Sinar Grafika Offset.
- Yuliana, et al. (2021). Konsep Pendidikan Karakter Perspektif Al-Ghazali dan Abdullah Nasih Ulwan. 5(2), 480-487.